

# Perbelanjaan untuk Bumiputera antara tertinggi dalam RMK13

PM bidas dakwaan Ahli Parlimen PN konon kerajaan abai pembangunan Bumiputera

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas tindakan seorang Ahli Parlimen pembangkang yang mendakwa Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) tidak memberi tumpuan kepada pembangunan Bumiputera.

Perdana Menteri berkata, di bawah Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang digariskan di bawah RMK13, perbelanjaan untuk Bumiputera adalah antara yang tertinggi diperuntukkan kerajaan.

"RMK13 ini harus ditelaah kita semua. Jika tidak, (didakwa) untuk Kampung Baru Cina, kita beri, tapi Bumiputera, tidak ada. Maknanya, belum baca (dokumen RMK13).

"Jika baca, langkah PuTERA35 itu, perbelanjaan untuk Bumiputera adalah antara yang tertinggi, termasuk rizab Melayu di Bandar Malaysia. Belum pernah sejak merdeka.

"Ini Kerajaan MADANI saja berani buat. Sebelum ini, tiada walaupun (pembangkang) uar-uar-

kan mengenai Melayu, bukan main bunyi berdentum dentam," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.


Di bawah RMK13, PuTERA35 antara lain akan memberi tumpuan kepada strategi 3P, iaitu penyertaan yang meluas, pemilikan yang bermakna dan penguasaan dalam sektor strategik.

Tumpuan juga akan terus diberikan dalam mempersiapkan syarikat Bumiputera untuk disenarai di Bursa Malaysia, antaranya melalui perlumbaan relay yang bertujuan mengupaya dan meramaikan usahawan Bumiputera seawal peringkat syarikat mula niaga hinggalah muncul sebagai syarikat tersenarai.

Kelmarin, ketika mencelah perbahasan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin, Datuk Awang Solahuddin Hashim (PN-Pendang) mendakwa RMK13 yang dibentangkan Perdana Menteri pada Jumaat lalu tidak memberi tumpuan kepada pembangunan untuk Bumiputera, sebaliknya memberi perhatian kepada Kampung Baru Cina.

Ketika menyentuh rancangan khusus kepada Kampung Baru Cina dalam RMK13, Awang Solahuddin bertanya kenapa tiada sebarang pelan spesifik untuk kaum Bumiputera.

"Kita setuju pembiayaan kepada Kampung Baru Cina, tak ada masalah tapi dalam RMK13 ini secara jelasnya tiada satu spesifik pembangunan untuk Bumiputera, yang mana bila kita melihat semula Peristiwa 13 Mei itu, salah satu elemen (jadi punca)



RMK13 mengupaya dan meramaikan usahawan Bumiputera seawal peringkat syarikat mula niaga hinggalah muncul sebagai syarikat tersenarai. (Foto hiasan)

adalah tekanan ekonomi kepada kaum Bumiputera.

"Maka, wujudlah RMK13 sekarang untuk imbang balik pendapatan dan juga ekonomi di antara kaum ini. RMK13 tak ada spesifik kepada kaum Bumiputera," soal Awang Solahuddin ketika pencelahan itu.

## Ucapan timbul kekecohan

Ucapan Awang Solahuddin menimbulkan kekecohan, apabila penyokong kerajaan, RSN Rayer (PH-Jelutong) tidak berpuas hati dan meminta Timbalan Speaker, Alice Lau, mengarahkan Awang menarik balik kenyataan berkaitan 13 Mei.

Susulan permohonan itu, Lau sebaliknya mencadangkan Rayer supaya mengemukakan usul terhadap isu terbabit.

Anwar menegaskan, Kerajaan MADANI juga komited terus me-

nambah baik keperluan sekolah pondok dan sekolah agama rakyat bagi memastikan institusi pendidikan itu tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, jurang kemudahan antara institusi pondok dan sekolah kebangsaan masih terlalu besar, justeru memerlukan perhatian serius daripada kerajaan.

Sehubungan itu, katanya, sejak 2022, Kerajaan MADANI mengembalikan peruntukan kepada institusi berkenaan yang sebelum ini pernah dibatalkan oleh kerajaan terdahulu ketika pembangkang mentadbir.

"Baru-baru ini saya bertemu guru-guru pondok yang mengeluh kerana sebelum ini, pemimpin mereka sekarang, iaitu kumpulan SG4 (State Government 4) telah membatalkan semua peruntukan kepada sekolah agama ra-

kyat. Saya tidak bersetuju dengan tindakan itu.

"Sebab itu, pada 2022, kita kembalikan semua peruntukan tersebut kepada sekolah agama rakyat, oleh kerajaan MADANI yang dituduh 'zalim' ini... sedangkan mereka yang disanjung dan dipuja itulah yang membatalkan (peruntukan) dahulu," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Hamzah mengenai kaedah kerajaan merapatkan jurang pendapatan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera serta jurang peruntukan di antara wilayah dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Anwar berkata, Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, telah diarah menjalankan kajian menyeluruh bagi menambah baik kemudahan institusi pondok yang disifatkan sebagai sangat daif.